

SIARAN AKHBAR

KENYATAAN AKHBAR

MENGENAI BASIKAL EMPAT RODA

Merujuk kepada petikan Akhbar Kwong Wah Yit Poh, Guang Ming Daily, Sin Chew Daily, China Press dan Oriental Daily bertarikh 12 April 2017.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak pernah meluluskan atau membenarkan basikal empat roda beroperasi demi menjaga keselamatan penunggang dan pengguna jalanraya lain. Selain itu, basikal empat roda ini menjejaskan keadaan lalu lintas di Pulau Pinang terutamanya dalam kawasan George Town.

Selain itu, MBPP juga menerima banyak aduan tentang basikal empat roda ini yang mengancam keselamatan pengguna jalan raya lain, contohnya seperti memasuki kawasan jalan sehalu secara arah bertentangan dan tidak berhenti di depan lampu isyarat apabila lampu bertukar ke lampu merah.

Bagi pihak pengusaha yang meletakkan basikal empat roda ini di bahu jalan atau laluan pejalan kaki termasuk kaki lima, ianya akan menyebabkan halangan kepada pejalan kaki. Akibatnya pejalan kaki terpaksa berjalan di atas jalan raya yang sudah tentunya membahayakan keselamatan mereka.

MBPP dimaklumkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bahawa antara ciri-ciri basikal termasuk basikal elektrik, ianya perlu mempunyai padel (pengayuh), 2 atau 3 roda sahaja dan tidak mempunyai bahan bakar. Selain daripada ciri-ciri yang dinyatakan itu, ianya dianggap sebagai bukan basikal. JPJ telah mengkategorikan empat roda ini sebagai kenderaan yang tidak mempunyai kelulusan Vehicle Type Approval (VTA).

MBPP mengambil tindakan di bawah Seksyen 46(1) Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 ke atas basikal empat roda yang diletakkan di atas siar kaki awam. Manakala bagi kes basikal empat roda yang sedang beroperasi di atas jalan raya, tindakan sitaan boleh dibuat melalui operasi bersepadu dengan pihak JPJ dan pihak polis di bawah Seksyen 79, Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana mengabaikan arahan dan isyarat lalu lintas.

MBPP juga memberi notis kepada para pengusaha basikal empat roda ini melarang aktiviti bagi semua jenis basikal yang melebihi dua roda di atas jalanraya di dalam kawasan pentadbiran MBPP mulai 1hb Januari 2017 di bawah Seksyen 107(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976.

MBPP dari masa ke semasa akan mengambil tindakan tegas seperti yang dinyatakan bagi memastikan aktiviti basikal empat roda tidak dijalankan di kawasan pentadbiran MBPP demi kepentingan orang awam dan keselamatan pengguna jalanraya khususnya.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh :

Bahagian Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Bertarikh : 12 April 2017